

07 AUG 1997

Mahathir-teknologi

DR MAHATHIR TERTARIK DENGAN KEBOLEHAN RAKYAT M'SIA BELAJAR DENGAN CEPAT

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Kebolehan rakyat Malaysia mempelajari berbagai teknologi baru dengan cepat akan mengemudi pergerakan industrilisasi negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya beliau hairan bercampur gembira melihat rakyat Malaysia sekarang boleh mengeluarkan komponen-komponen berketepatan tinggi (high precision components) semasa beliau melawat pameran industri kecil dan sederhana (IKS) di sini pagi tadi.

Apa yang menggembirakan beliau ialah kebolehan ini dicapai tidak lama selepas kerajaan membuat kenyataan tahun lepas bahawa komponen-komponen yang dikatakan dikeluarkan di Malaysia sebenarnya bekasnya (casing) sahaja manakala bahagian-bahagian dalamnya diimport.

"Pagi tadi saya gembira melihat ini telah dilakukan dalam tempoh masa yang singkat selama setahun, komponen-komponen berketepatan tinggi ini sekarang dibuat dan dipasang di Malaysia," kata beliau selepas melancarkan sebuah syarikat penganjur pesta dan pameran di sini.

Dr Mahathir berkata kerajaan berpendapat adalah penting apa yang dikatakan bahagian-bahagian kanak-kanak (child parts) -- bahagian dalam komponen -- dibuat dan pasang dalam negara untuk mengurangkan import.

"Keupayaan untuk belajar dengan cepat ini akan mengemudikan kita masuk ke dalam era maklumat dengan pantas," kata beliau.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menceritakan mengenai lawatannya ke sebuah kilang kaca di Langkawi dua hari lepas yang mengeluarkan bahan-bahan kristal yang berkualiti tinggi yang boleh dijual setinggi RM2,000 satu.

"Pengurus berbangsa Switzerland di situ memberitahu saya beliau boleh melatih budak-budak dari Langkawi dalam jangka masa yang lebih pendek dari seorang pekerja Eropah untuk meniup kaca...ini boleh dikatakan satu seni," kata beliau.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia perlu mengambil tahu perkembangan dunia untuk mendapatkan pengetahuan.

Ke arah ini, beliau berkata pameran perdagangan adalah penting bukan sahaja untuk orang mengenal pasti potensi perniagaan tetapi juga untuk mempelajari teknologi baru.

Pada upacara itu, Dr Mahathir menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara syarikat tempatan InterAsia Fairs and Exhibitions Sdn Bhd dan Hannover Fairs Asia Pte Ltd untuk menganjurkan tiga pameran antarabangsa di Malaysia.

Pameran-pameran itu berkaitan dengan industri, teknologi maklumat dan telekomunikasi serta automotif akan diadakan dalam masa dua tahun akan datang.

- BERNAMA

AZZ WAT